

## Institut Genom dan Vaksin Malaysia perlukan pakar klinikal

Oleh [Fahmy A Rosli](#) - Oktober 4, 2021 @ 11:44pm

[fahmy.azril@bh.com.my](mailto:fahmy.azril@bh.com.my)



Foto fail NSTP

**KUALA LUMPUR:** Malaysia memerlukan pakar bagi melaksanakan ujian klinikal walaupun negara memiliki keupayaan untuk menghasilkan vaksin sendiri.

Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata penubuhan sebuah institut untuk menghasilkan vaksin COVID-19 buatan Malaysia dapat memudahkan kerajaan menyelaraskan kegiatan pembangunan dan penyelidikan (R&D) berkaitan genom serta vaksin.

Selain itu, katanya, institut itu juga dapat menggembeng tenaga pakar yang berkaitan dengan lebih cekap.

"Saya mengalu-alukan langkah yang diambil oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Adham Baba untuk membentangkan cadangan kepada Perdana Menteri supaya satu institusi ditubuhkan di negara kita untuk menghasilkan vaksin COVID-19 buat Malaysia yang dinamakan sebagai Institut Genom dan Vaksin Malaysia.

"Malaysia mempunyai kemampuan untuk menghasilkan vaksin sendiri. Apa yang kita perlukan buat masa ini ialah pakar klinikal bagi melaksanakan ujian klinikal manusia yang pertama di Malaysia.

"Kolaborasi membabitkan seluruh negara sangat penting memandangkan proses penghasilan vaksin memerlukan banyak kepakaran daripada pelbagai pemegang taruh seperti kementerian, agensi, institusi, pihak swasta serta pertubuhan masyarakat sivil (CSO)," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Selain membangunkan vaksin berkaitan COVID-19, Lam Thye berharap institut berkenaan akan mempergiatkan lagi usaha untuk menjalankan R&D dalam penghasilan vaksin bagi penyakit berbahaya lain seperti kanser, denggi, taun dan leptospirosis.

Sementara itu, penyelidik vaksin dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohd Hair Bejo, berkata langkah menubuhkan Institut Genom dan Vaksin Malaysia adalah tepat pada masanya sebagai satu pelan strategik proaktif utama dalam menangani cabaran semasa pandemik COVID-19 dan penyakit zoonosis lain pada masa hadapan.

Beliau berpandangan Malaysia perlu belajar daripada pengalaman lalu dan semasa kerana negara tidak mempunyai pilihan selain lebih bersedia sedia menghadapi dan menangani cabaran gelombang dampak baharu wabak lain yang pasti akan berlaku.

"Kebanyakan usaha untuk mengawal penyakit zoonosis negara lebih bersifat reaktif dan sudah sampai masanya negara perlu bertindak secara proaktif. COVID-19 adalah salah satu pandemik terburuk yang berasal dari zoonotik tetapi ini bukan yang pertama dan terakhir.

"Negara perlu mampu membuat persediaan dan ramalan yang boleh dipercayai kemunculan wabak baharu.

"Melangkah ke depan, kita harus fokus pada ketahanan dan tangkas melalui penerapan langkah-langkah kawalan bersepadu serta strategi pencegahan berkesan dalam mempersiapkan negara dan warga untuk menghadapi berbagai macam wabak pada masa hadapan.

"Mencegah wabak seterusnya dengan memastikan daya tahan Malaysia terhadap penyakit zoonotik adalah elemen penting yang harus ditangani dalam rancangan kesiapan pandemik," katanya.